

**TINGKAH LAKU FERTILITI DALAM
KALANGAN WANITA ETNIK BAJAU LAUT,
KUNAK, SABAH**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

**TINGKAH LAKU FERTILITI DALAM
KALANGAN WANITA ETNIK BAJAU LAUT,
KUNAK, SABAH**

HAMISAH BINTI JUNSON

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA SASTERA**



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2020

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **TINGKAH LAKU FERTILITI DALAM KALANGAN WANITA
BAJAU LAUT, KUNAK SABAH**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **GEOGRAFI**

Saya **HAMISAH BINTI JUNSON**, Sesi **2014-2020**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

 ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



(Dr. Ubong Imang)
Penyelia

HAMISAH BINTI JUNSON
MA1411023T

Tarikh : 27 November 2020

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Tingkah Laku Fertiliti dalam Kalangan Wanita Bajau Laut, Kunak, Sabah ini adalah hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



HAMISAH BINTI JUNSON
MA1411023T

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


Tarikh

PENGESAHAN

NAMA : **HAMISAH BINTI JUNSON**
NO. MATRIK : **MA1411023T**
TAJUK : **TINGKAH LAKU FERTILITI DALAM**
KALANGAN WANITA **KALANGAN WANITA BAJAU LAUT, KUNAK,**
SABAH.
IJAZAH : **SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)**
TARIKH VIVA : **18 JUN 2020**

DISAHKAN OLEH :

PENYELIA
DR. UBONG IMANG



TANDATANGAN

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'U. Imang', is written over a horizontal dotted line.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah Ke hadrat Ilhahi kerana saya telah diberikan peluang dan kesempatan untuk menyiapkan Latihan Ilmiah yang bertajuk " Tingkah Laku Fertiliti Dalam Kalangan Wanita Bajau Laut, Kunak, Sabah" bagi memenuhi Sarjana Geografi. Ucapan jutaan terima kasih kepada semua pihak kerana membantu saya bagi mendapatkan maklumat untuk menyiapkan latihan ilmiah ini.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Ubong Imang iaitu selaku penyelia latihan ilmiah kerana telah bertungkus lumus memberi tunjuk ajar, mendorong, menasihati dan menyokong saya sepanjang proses menyiapkan latihan ilmiah ini. Tanpa bantuan beliau, sudah pasti saya tidak mampu menyiapkan latihan ilmiah ini. Ribuan terima kasih juga kepada semua pensyarah yang terlibat di atas kritikan dan maklum balas bagi membetulkan setiap kesilapan dan kelemahan saya dalam latihan ilmiah ini

Saya juga ingin melahirkan rasa terima kasih kepada semua ahli keluarga saya terutama kepada kedua orang tua saya iaitu Puan Jamilan Binti Akka dan En. Junson Bin Adam kerana telah menjadi pembakar semangat saya dan sentiasa bersama saya dalam keadaan susah dan senang sepanjang menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Saya mengucapkan ucapan terima kasih saya kepada wanita etnik Bajau Laut dan pihak yang mengetahui mengenai fertiliti di kalangan mereka serta pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam fertiliti Bajau Laut yang telah memberikan kerjasama dan membantu saya untuk menjawab segala persoalan.

Disamping itu, kepada kawan-kawan saya yang telah banyak membantu saya, memberikan idea, semangat dan dorongan, Saya amat berterima kasih dan amat menghargai jasa kalian semua. Tidak lupa juga kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada kalian.

HAMISAH BINTI JUNSON

19 NOVEMBER 2020

ABSTRAK

Fertiliti adalah satu isu yang sangat penting untuk kelangsungan hidup manusia. Manusia lebih mementingkan kualiti daripada kuantiti kerana tuntutan kemajuan hidup. Kesuburan manusia adalah satu proses semulajadi yang bertanggungjawab terhadap penggantian biologi dan pemeliharaan masyarakat supaya terus wujud. Populasi kajian terdiri daripada wanita etnik Bajau laut kerana kajian ini mengenai tingkah laku wanita dalam fertiliti. Seramai 80 orang wanita Bajau Laut dipilih sebagai responden. Pemilihan ini digunakan mengikut persampelan bertujuan kerana pengkaji ingin mengkaji fertiliti dikalangan wanita Bajau Laut. Temubual dijalankan oleh pengkaji dengan 4 orang Bidan, seorang pengurus etnik Bajau Laut dan bekas Ketua Daerah Kunak serta penghulu atau ketua kampung Etnik Bajau Laut. Temubual ini dijalankan untuk menambah lagi data yang diperolehi daripada soal selidik. Soal selidik merupakan instrument utama pengkaji untuk mengkaji wanita etnik Bajau Laut ini. Terdapat enam bahagian iaitu terdiri daripada A sehingga F yang bermula dengan latar belakang responden, sosioekonomi dan tempat tinggal responden, fertiliti ibu responden, perkahwinan responden, maklumat kandungan dan anak responden, dan terakhir berkaitan faktor yang menyebabkan tingkat fertiliti tinggi dalam kalangan etnik Bajau Laut. Teknik analisis deskriptif seperti min, frekuensi, dan silang tabulasi digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan perisian SPSS. Hasil analisis turut disokong dengan pendekatan kualitatif melalui pemerhatian dan temubual. Hasil kajian mendapati bahawa fertiliti dalam kalangan etnik Bajau Laut masih lagi menunjukkan wanita melahirkan anak yang ramai. Tahap sosioekonomi iaitu pendidikan, pekerjaan dan pendapatan dalam kalangan etnik ini juga masih dalam tahap yang rendah telah menjadi faktor peningkatan tingkat fertiliti dalam kalangan mereka. Namun begitu, memiliki anak yang ramai adalah satu tanggungjawab yang perlu dikekalkan sehingga kini dan perkahwinan awal dalam kalangan remaja seawal umur 15 tahun menjadi titik tolak etnik ini memiliki anak yang ramai sepanjang waktu reproduktif mereka. Selain itu, mereka tidak menggunakan perancangan keluarga kerana kurang pengetahuan dan masalah kewangan juga menyukarkan mereka sukar mengawal kelahiran. Dapatan kajian mendapati bahawa budaya mempengaruhi etnik bajau laut dalam memiliki anak yang ramai sehingga kini. Fertiliti merupakan satu isu yang penting untuk mengukur

tahap pembangunan dalam etnik dan persekitarannya. Oleh itu, diharap kajian ini membantu pelbagai pihak dalam pembangunan.

Kata kunci : faktor, tingkah laku dan fertiliti.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

FERTILITY BEHAVIOR AMONG WOMEN FROM BAJAU LAUT ETHNIC IN KUNAK, SABAH

Fertility is a very important issue for human survival. Humans value quality more than quantity because of the demands of life progress. Human fertility is a natural process responsible for biological change and the preservation of society to continue to exist. The study population consists women of Bajau laut ethnic because this study is about women's behavior in fertility. A total of 80 women Bajau Laut were selected as respondents. This selection is used according to the purposeful sampling because the researcher wants to study fertility among women Bajau Laut. Interviews were conducted by the researcher with Four Midwives, a manager of Bajau Laut ethnic and a former Kunak District Head as well as a Bajau Laut Ethnic village chief or village head. These interviews were conducted to supplement the data obtained from the questionnaire. Questionnaires are the main instrument of researchers to study these women of Bajau Laut ethnic. There are six sections consisting of A to F which starts with the background of the respondent, socioeconomics and residence of the respondent, fertility of the respondent's mother, marriage of the respondent, content information and children of the respondent, and finally related to the factors that cause high fertility among Bajau Laut ethnic. Descriptive analysis techniques such as mean, frequency, and cross tabulation were used in this study using SPSS software. The results of the analysis are also supported by a qualitative approach through observation and interviews. The results of the study found that fertility among the Bajau Laut ethnic group still shows that women give birth to many children. The socio-economic level of education, employment and income among these ethnic groups is also still at a low level has been a factor in increasing the level of fertility among them. However, having many children is a responsibility that needs to be maintained until now and early marriage among adolescents as young as 15 years old is the starting point of this ethnicity to have many children throughout their reproductive time. In addition, they do not use family planning because of less knowledge and financial problems also make it difficult for them to control birth. The findings of the study found that the culture influenced the Bajau Laut ethnic in having many children until

now. Fertility is an important issue to measure the level of development in its ethnicity and environment. Therefore, it is hoped that this study helps various parties in development.

Keywords: factors, behavior and fertility.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

| | Halaman |
|--------------------------------|---------|
| TAJUK | i |
| PENGAKUAN | ii |
| PENGESAHAN | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| <i>ABSTRACT</i> | vii |
| ISI KANDUNGAN | ix |
| SENARAI JADUAL | xiv |
| SENARAI GAMBAR RAJAH | xv |
| SENARAI PETA | xvi |
| SENARAI GRAF | xvii |
| SENARAI SINGKATAN | xviii |
| SENARAI LAMPIRAN | xix |
| | |
| BAB 1 : PENGENALAN | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Permasalahan Kajian | 2 |
| 1.3 Tujuan dan Objektif Kajian | 4 |
| 1.4 Skop Kajian | 4 |
| 1.5 Kawasan Kajian | 5 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 7 |

| | | |
|-----|------------|---|
| 1.7 | Kesimpulan | 7 |
|-----|------------|---|

BAB 2 : PERUBAHAN TINGKAT DAN TINGKAH LAKU FERTILITI

| | | |
|-----|---|----|
| 2.0 | Pengenalan | 9 |
| 2.1 | Konsep Utama | 9 |
| | Fertiliti | |
| | Tingkah Laku Fertiliti | |
| | Definisi Operasional Untuk Konsep Utama Kajian | |
| 2.2 | a. Variabel Bebas | 11 |
| | b. Variabel Terikat | |
| | Perubahan Penduduk Dan Trend Fertiliti Dunia | |
| 2.3 | Peningkatan Pertumbuhan Penduduk Global Akibat Oleh Sebilangan Negara | 12 |
| | Pertumbuhan Penduduk Dunia Yang Lebih Perlahan Disebabkan Kadar Kesuburan Yang Lebih Rendah | |
| 2.4 | Teori Dan Model | 15 |
| | 2.4.1 Noor Laily | |
| | 2.4.2 Teori Freedman Dan Leibenstein | |
| 2.5 | Trend Fertiliti Malaysia | 19 |
| 2.6 | Trend Fertiliti Sabah | 20 |
| 2.7 | Konseptual Kajian | 22 |
| 2.8 | Faktor Mempengaruhi Fertiliti Di Malaysia | 23 |
| 2.9 | Fertiliti Dalam Kalangan Etnik Minoriti Terpinggir | 27 |
| | Kesimpulan | 29 |

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-----|-------------------------------------|----|
| 3.0 | Pengenalan | 31 |
| 3.1 | Reka Bentuk Dan Kaedah Penyelidikan | 31 |
| 3.2 | Kajian Rintis | 32 |
| 3.3 | Teknik Mengumpul Data | 33 |

| | | |
|-----|--|----|
| | Data Primer | |
| | Borang Soal Selidik Dan Instrumen Kajian | |
| | Data Borang Soal Selidik | |
| | Data Temubual | |
| 3.4 | Data Sekunder | 36 |
| 3.5 | Limitasi Kajian | 37 |
| 3.6 | Teknik Analisis Data | 37 |
| 3.7 | Populasi Dan Persampelan | 38 |
| | Kesimpulan | 39 |

BAB 4 : TINGKAT & PERILAKU FERTILITI

| | | |
|-------|---|----|
| 4.1 | Pengenalan | 41 |
| 4.2 | Bahagian Latar Belakang Responden | 41 |
| | 4.2.1 Umur | |
| | 4.2.2 Agama | |
| | 4.2.3 Jenis Kad Pengenalan | |
| | 4.2.4 Daerah Kelahiran | |
| 4.3 | Latar Belakang Sosioekonomi Dan Persekitaran Petempatan | 45 |
| 4.3.1 | Tahap Sosioekonomi Responden | |
| | A. Pendidikan | |
| | B. Pekerjaan | |
| | C. Pendapatan | |
| | D. Pemilikan Harta | |
| 4.4 | Persekitaran Petempatan | 50 |
| | A. Status Tempat Tinggal | |
| | B. Kawasan Dan Keadaan Tempat Tinggal | |
| | C. Jarak Dan Kekerapan Ke Pekan Terhampir | |
| | D. Kesampaian Kepada Kemudahan | |
| | i. Hospital | |
| | ii. Sekolah | |
| | iii. Lain-Lain Kemudahan | |

| | | |
|-----|---|----|
| | iv. Kekerapan Ke Darat | |
| 4.5 | Tingkat Dan Perilaku Fertiliti Wanita Bajau Laut Perkahwinan | 53 |
| | i. Umur Berkahwin | |
| | ii. Sikap Terhadap Perkahwinan | |
| | a) Pemilihan Pasangan | |
| | b) Pendorong Kepada Perkahwinan | |
| | c) Persediaan Perkahwinan | |
| | ■ Persiapan Menjadi Isteri | |
| | ■ Cara Yakinkan Ibu Bapa Untuk Berkahwin | |
| | ■ Ciri-Ciri Suami | |
| | ■ Ciri-Ciri Menantu | |
| 4.6 | Kelahiran Anak | 61 |
| | i. Umur Pada Kelahiran Anak Pertama | |
| | ii. Bilangan anak yang dimiliki oleh ibu responden | |
| | iii. Siapa Yang Dominan Tentukan Bilangan Anak | |
| | iv. Bilangan Dan Jantina Anak | |
| | a) Bilangan Anak Ideal | |
| | b) Nilai Anak | |
| | c) Jantina Anak Yang Disukai | |
| | d) Ibu bapa tidak mempengaruhi bilangan anak | |
| 4.7 | Penjagaan Kesihatan Ibu | 68 |
| | I. Kehamilan | |
| | II. Rawatan Untuk Hamil | |
| | III. Responden Atau Pasangan Menghidapi Penyakit | |
| | IV. Pemeriksaan Kandungan | |
| | V. Keguguran | |
| | VI. Sebab melahirkan anak di rumah | |
| | VII. Tempat pemeriksaan Kandungan | |
| 4.8 | Sikap terhadap Perancangan Keluarga | 75 |
| | I. Penggunaan Perancangan Keluarga | |
| | II. Masalah Mendapatkan Perancangan Keluarga | |
| | III. Pantang Larang Agar Mudah Hamil, Menjaga Kandungan Dan Kekal Sihat | |
| 4.9 | Faktor Mempengaruhi Tingkat, Sikap Dan Perilaku Fertiliti. | 80 |
| | I. Persekitaran Petempatan | |
| | I. Sosio-Ekonomi | |
| | III. Sosio-Budaya | |

| | |
|------------|----|
| Kesimpulan | 81 |
|------------|----|

BAB 5 : CADANGAN DAN PENUTUP

| | | |
|-----|-------------------------|---------------------------------------|
| 5.1 | Pengenalan | 83 |
| 5.2 | Rumusan Hasil Kajian | 83 |
| | 5.1.1 | Tingkat Dan Pola Fertiliti Bajau Laut |
| | 5.1.2 | Pola Tingkah Laku Bajau Laut |
| | 5.1.3 | Faktor Mempengaruhi Bajau Laut |
| 5.3 | Cadangan Kajian | 85 |
| 5.4 | Kajian Masa Akan Datang | 88 |
| | Penutup | 88 |
| | RUJUKAN | 90 |
| | LAMPIRAN | 94 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

| | Halaman |
|--|---------|
| Jadual 2.3 : Perubahan Penduduk Dunia | 13 |
| Jadual 4.3.1 : Profail Responden | 45 |
| Jadual 4.3.2 : Pekerjaan Responden | 47 |
| Jadual 4.3.3 : Nilai Pendapatan Responden | 48 |
| Jadual 4.4.1 : Status Tempat Tinggal | 50 |
| Jadual 4.5.1 : Umur Pertama Berkahwin | 53 |
| Jadual 4.5.3 : Pendorong Berkahwin | 55 |
| Jadual 4.5.4 : Persiapan Menjadi Isteri | 56 |
| Jadual 4.5.5 : Cara Yakinkan Keluarga Untuk Berkahwin | 57 |
| Jadual 4.5.7 : Ciri-Ciri Menantu Wanita Dan Lelaki | 60 |
| Jadual 4.6.1 : Umur Responden Ketika Melahirkan Anak Pertama | 61 |
| Jadual 4.6.2 : Bilangan Anak Yang Dimiliki Oleh Responden | 62 |
| Jadual 4.6.3 : Bilangan Anak Yang Dimiliki Oleh Ibu Responden | 63 |
| Jadual 4.6.4 : Siapa Menentukan Bilangan Anak | 64 |
| Jadual 4.6.6 : Ibu Bapa Tidak Menentukan Bilangan Anak | 68 |
| Jadual 4.7.2 : Rawatan Yang Digunakan Bagi Masalah Sukar Hamil | 69 |
| Jadual 4.7.3 : Pemeriksaan Kandungan | 71 |
| Jadual 4.7.5 : Sebab Lahir Dirumah | 73 |
| Jadual 4.8.1 : Penggunaan Perancangan Keluarga | 75 |

SENARAI RAJAH

| | | | | | |
|-------|-----|---|-------------------|---------|----|
| Rajah | 2.7 | : | Konseptual Kajian | Halaman | 22 |
|-------|-----|---|-------------------|---------|----|



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

Halaman

Peta 1.5 : Peta Senarai Kampung-Kampung Yang Terdapat Di Kunak, Sabah. 6



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GRAF


| | Halaman |
|---|---------|
| Graf 2.1 : Teori Etnik Dan Fertility Noor Laily | 15 |
| Graf 4.2.1 : Umur | 42 |
| Graf 4.2.2 : Agama | 43 |
| Graf 4.2.4 : Daerah Kelahiran | 45 |
| Graf 4.5.2 : Pemilihan Pasangan | 55 |
| Graf 4.5.6 : Suami Dalam Kalangan Keluarga | 59 |
| Graf 4.6.5 : Bilangan Anak Ideal | 66 |
| Graf 4.7.1 : Sukar Untuk Hamil | 69 |
| Graf 4.7.4 : Keguguran | 72 |
| Graf 4.7.6 : Tempat Pemeriksaan Kandungan | 75 |
| Graf 4.8.2 : Masalah Mendapatkan Perancangan Keluarga | 77 |
| Graf 4.8.3 : Amalan Pantang Larang | 78 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

| | |
|--------------|--|
| ART | : Tecnics Reproductif A |
| ICSI | : Intracytoplasmic Spem Injection |
| IVF | : In- Vitro Fertilisation |
| IUI | : Superovulation and Intrauterina Insemination |
| LPPKN | : Lembaga kependudukan dan Pembangunan Keluarga Negara |
| NGO | : NON GOVERNMENT |
| PBB | : Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu |
| UK | : United Kingdom |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

| | Halaman |
|---|---------|
| Lampiran A : Soal Selidik Sebelum Kajian Rintis Dilakukan | 94 |
| Lampiran B : Soal Selidik Selepas Kajian Rintis | 112 |
| Lampiran C : Soalan Temubual | 126 |
| : Transkrip Jawapan Temubual | 128 |
| Lampiran D : Gambar Kajian (Etnik Bajau Laut, Sabah) | 132 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Fertiliti adalah satu isu yang sangat penting untuk diberikan perhatian terutama dalam dekad kebelakangan ini. Trend fertiliti pada masa kini telah berubah selari dengan peningkatan arus permodenan dunia. Di zaman moden sekarang ini, manusia dikatakan lebih mementingkan kualiti anak daripada kuantiti kerana tuntutan kerja dan kemajuan tingkat kehidupan. Justeru itu, secara umumnya jika kita telitikan trend yang ditunjukkan pada skala dunia, tahap fertiliti semakin menurun.

Isu fertiliti adalah penting kerana ia berkait langsung dengan kesejahteraan pembangunan di peringkat global mahupun lokal. Peningkatan taraf hidup manusia dikatakan telah memberi kesan secara tidak langsung kepada tahap dan pola fertiliti. Data dari Bank Dunia menunjukkan trend fertiliti telah berubah mengikut mengikut tahun dan tahap pembangunan sesebuah negara. Malaysia misalnya, pada awal kemerdekaan menunjukkan tahap kadar fertiliti negara adalah tinggi iaitu, mencecah 18.4 juta orang ,(Jabatan Perangkaan Malaysia, 1991). Antara tahun 1980 sehingga 1991 telah bertambah 4.7 juta orang dengan kadar pertumbuhan sebanyak 2.6 peratus setahun. Sejak awal 1960-an, Malaysia mula mengalami peralihan fertiliti iaitu daripada kadar fertiliti yang tinggi kepada kadar fertiliti yang rendah. Kadar Fertiliti telah menurun bagi semua etnik di Malaysia. Fertiliti dalam kalangan etnik Cina telah menurun sejak 25 tahun lalu dan mencapai tahap penggantian pada tahun 1989, (Leete dan Tan, 1993). Data dari Bank Dunia menunjukkan trend fertiliti telah berubah mengikut tahun dan tahap pembangunan sesebuah negara. Malaysia misalnya, pada awal kemerdekaan kadar

kesuburan negara adalah tinggi iaitu, mencecah 6275 orang. Kadar kesuburan ini semakin menurun iaitu kepada 1994 orang pada tahun 2013.

Kajian yang dilakukan oleh beberapa pengkaji seperti (Ubong *et. al.* 2014), mendapati trend penurunan fertiliti juga telah mulai berlaku di kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak ekoran perubahan dalam tuntutan kehidupan. Kajian seperti ini penting untuk dikembangkan dalam kalangan komuniti di kawasan perairan yang seringkali terpinggir dari arus pembangunan. Ini kerana perubahan dalam kalangan komuniti ini turut mempengaruhi pembangunan negeri dan negara secara keseluruhannya. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk menilai tahap dan pola fertiliti dalam kalangan etnik Bajau Laut atau sering juga disebut sebagai Pelahu yang menjalankan kehidupan mereka di kawasan perairan Kunak, Lahad Datu. Etnik Bajau Laut terkenal dengan cara kehidupan mereka yang unik. Sebahagian besar daripada komuniti ini masih mengamalkan kehidupan di atas perahu dan bergantung sepenuhnya kepada sumber laut untuk kelangsungan hidup.

1.2 Permasalahan Kajian

Data rasmi dari United Nation 2017 menunjukkan tingkat fertiliti wanita dijangka menurun. Misalnya menurut laman web United Nation mengandaikan fertiliti dalam kalangan wanita akan menurun daripada 2.4 anak bagi setiap wanita menjelang 2030 kepada 2.2 anak menjelang 2050. Malah di negara yang sekarang ini mempunyai kadar fertiliti yang tinggi seperti di Afrika, juga diandaikan kesuburan akan menurun daripada 3.9 anak bagi setiap wanita menjelang tahun 2030 kepada 3.1 kanak-kanak per wanita pada tahun 2050.

Penurunan dalam kadar fertiliti juga sedang berlaku di Malaysia. Misalnya, tingkat fertiliti di Malaysia dijangkakan telah menurun dari 17 peratus pada tahun 2020 kepada 14 peratus pada tahun 2050. Penurunan tingkat fertiliti selari dengan pembangunan Malaysia iaitu, dahulunya Malaysia menunjangkan ekonominya kepada kegiatan pertanian manakala pada masa kini sedang memacu ekonomi industri pembuatan. Perubahan dalam peralihan hala tuju ekonomi serta perkembangan ekonomi semasa negara ini, diikuti dengan penglibatan wanita yang aktif dalam alam pekerjaan dan peningkatan tahap pendidikan wanita.

Mengikut kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas seperti (Abdul Aziz Jemain et. al, 2003) , mereka mendapati penyertaan wanita dan peningkatan dalam tahap pendidikan mereka adalah antara faktor yang menyumbang kepada kemerosotan fertiliti dan kajian oleh (Nik Norliati, 2010) menyatakan bahawa penentu utama yang mempengaruhi kesuburan adalah faktor sosio ekonomi. Contohnya, tahap pendidikan, pendapatan dan juga tahap kesihatan bagi sesebuah keluarga. Tahap pendidikan yang dimiliki akan mempengaruhi umur perkahwinan manakala pendapatan pula mempengaruhi jumlah anak yang diingini.

Hal ini berbeza dengan etnik Bajau Laut yang masih menunjukkan penglibatan wanita sangat kurang sama ada dari segi pendidikan atau ekonomi dan ini mempengaruhi tingkat fertiliti dalam kalangan mereka. Jika kita lihat Berita Harian pada 24 oktober 2019 telah menyatakan bahawa Jabatan Perangkaan Malaysia dalam Laporan Perangkaan Penting, Malaysia 2019 yang melaporkan kadar kesuburan di Malaysia menurun daripada 1.9 anak pada 2017 kepada 1.8 anak bagi setiap perempuan berumur 15 hingga 49 tahun pada 2018.

Kadar ini berada di bawah paras penggantian 2.1 anak, iaitu purata bilangan bayi yang dilahirkan oleh seorang wanita sepanjang tempoh reproduktifnya, tidak mencukupi untuk menggantikan dirinya dan juga pasangannya. Laporan itu juga menyatakan penurunan kadar kesuburan ini adalah disebabkan penurunan 1.3 peratus bilangan kelahiran yang direkodkan pada tahun 2017, iaitu daripada 508,685 orang kelahiran hidup kepada 501,945 orang pada 2018. Penurunan bilangan kelahiran ini mengakibatkan kadar kelahiran kasar merosot daripada 15.9 peratus pada 2017 kepada 15.5 peratus bagi setiap 1,000 penduduk pada 2018. Hal ini berbeza dengan etnik Bajau Laut yang masih lagi dikatakan mampu melahirkan anak sehingga 12 orang.

Kajian oleh (Habsah Hashim, 2010) mendapati peningkatan pencapaian wanita dalam pendidikan serta penyertaan mereka di luar rumah dan proses urbanisasi di kalangan masyarakat Melayu sejak empat dekad yang lalu telah menyebabkan penurunan fertiliti sebanyak 28.8 peratus. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh beberapa pengkaji seperti (Ubong *et. al.* 2014), mendapati trend penurunan fertiliti juga telah berlaku di kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak. Antara faktor